

# EAEC ditubuhkan tanpa Jepun: Dr

Oleh Mohd Shah Abdullah

SUBANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) boleh ditubuhkan tanpa penyertaan Jepun, berikutan keenggannya memberi komitmen padu terhadap usaha itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, berkata keputusan mengenainya bergantung kepada negara Asean serta negara lain yang berminat menyertainya.

"Forum kerjasama itu sudah boleh berjalan sekarang tanpa Jepun. Malaysia mengikut sahaja. Tidak ada Jepun pun boleh. Kalau Jepun masuk hari ini atau setahun lagi pun tidak mengapa. Bila-bila masa pun Jepun boleh menyertainya kerana pintu sentiasa terbuka," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan tidak rasmi ke Fukuoka, Jepun, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub.

Ketika berucap di Sidang Kemuncak Pertukaran Serantau Asia-Kyushu di Oita, Jumaat lalu, Dr Mahathir menegaskan Malaysia dan Asean kecewa dengan sikap Jepun, termasuk pegawainya yang pernah berkhidmat di Malaysia, kerana gagal memahami konsep sebenar cadangan penubuhan EAEC.

Perdana Menteri juga kesal kerana pendirian Jepun, sama ada menyokong EAEC atau sebaliknya, ditentukan oleh kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, walaupun masih terlalu awal untuk menilai reaksi Jepun, beliau gembira kerana berpeluang berucap secara langsung kepada rakyat negara itu bagi menjelaskan matlamat sebenar gagasan kerjasama ekonomi itu.

Dr Mahathir diberi liputan meluas oleh media Jepun menerusi siaran langsung tiga jam oleh Fukuoka Broadcasting Corporation.

Semalam, Fukuoka Broadcasting menyiarkan kenyataan Dr Mahathir yang dapat diikuti oleh 30 juta penonton pada waktu perdana, diikuti sesi soal jawab selama 20 minit.

Dr Mahathir mengakui media Jepun lebih bertanggungjawab berbanding media Barat, kerana menyiarkan sepenuhnya ucapan beliau tanpa sebarang suntingan.

"Itu saya akui. Mereka tidak seperti media Australia yang menipu dan mencampur-adukkan di antara ucapan dan jawapan yang berbeza.

"Perkara itu tidak berlaku dalam media Jepun. Saya diberi peluang memberi penjelasan secara siaran langsung. Tidak ada percubaan menukarkan fakta untuk memberi makna yang lain bagi setiap yang disoal dan apa yang dijawab," katanya.

Dr Mahathir berkata, anggota panel dalam perbincangan itu juga memberi

## EAEC ditubuh tanpa Jepun

### DARI MUKA 1

perhatian terhadap Malaysia. Ia bermanfaat dalam usaha menarik pelancong ke negara ini.

Beliau bagaimanapun mengakui masih ramai yang tidak faham tujuan sebenar gagasan EAEC, termasuk ahli panel yang bertanya kepadanya menerusi televisyen.

"Ada yang menganggap kita menentang Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec). Ada yang menyebut Apec menentang EAEC.

"Saya jelaskan tidak ada pertentangan, malah EAEC adalah satu perundingan dalam Apec. Ini memaparkan salah faham kerana tiada liputan yang mencukupi di kalangan pemberita.

"Dalam satu temubual radio Jepun pagi tadi, saya ditanya adakah kita anti-Apec. Saya jelaskan kita tidak anti-Apec," katanya.

Ditanya sama ada kepeimpinan politik Jepun yang sering berubah juga menyebabkan sokongan Tokyo masih tidak jitu terhadap EAEC, Dr Mahathir mengakui pemimpin Jepun sukar membuat sesuatu keputusan kerana tempoh seseorang menjadi Perdana Menteri hanya terhad dua hingga empat tahun.

"Mereka tidak berpeluang membawa reformasi dan takut kepada sebarang kesan terhadap tindakan mereka. Oleh itu, pemimpin Jepun sukar membuat keputusan," katanya.